



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### HASIL PERTEMUAN DENGAN GABUNGAN PERSATUAN HAK ASASI PEKERJA DOMESTIK, KE ARAH 189

---

1. YB Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia telah bertemu dengan Persatuan Hak Asasi Pekerja Domestik, Ke Arah 189 pada 6 Julai 2023. Pertemuan ini diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pekerja domestik di Malaysia, termasuk isu yang membabitkan pembayaran gaji serta kebajikan pekerja domestik.
2. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan semua pekerja di Malaysia termasuk pekerja domestik dilayan secara adil dan mereka dibayar gaji yang sepatutnya.
3. Menteri Sumber Manusia memberi jaminan bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa menambah baik dan mengetatkan penguatkuasaan undang-undang buruh di negara ini. Kerajaan juga komited untuk memastikan semua pekerja mendapat akses kepada keadilan, dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana majikan yang melanggar hak pekerja mereka.
4. Kerajaan sentiasa mengingatkan majikan tentang kewajipan mereka di bawah undang-undang perburuhan di Malaysia. Majikan dikehendaki membayar pekerja mereka gaji yang sepatutnya dan menyediakan persekitaran kerja yang selamat kepada pekerja. Majikan yang ingkar akan dikenakan tindakan undang-undang.
5. Kerajaan Malaysia sentiasa memandang serius akan isu majikan yang tidak membayar gaji kepada pekerja serta mengabaikan hak pekerja. Mana-mana

pekerja yang berasa ditindas, tidak dijaga kebajikan atau menerima gaji tidak setimpal, boleh membuat laporan mengenainya kepada pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

6. Pihak Kementerian tidak akan bertolak ansur dengan sebarang penderaan terhadap pekerja domestik dan sentiasa komited untuk memastikan semua pekerja, termasuk pekerja domestik seperti pembantu rumah dan lain-lain, dilayan dengan bermaruah dan dihormati.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
9 JULAI 2023**